



09 OCT, 2019

SKSPS diperluas tahun depan

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

SKSPS diperluas tahun depan

Petani, nelayan dan peniaga kecil antara golongan yang menerima manfaat

MOHD RIDZUAN
ABU HASSAN

HULU SELANGOR

Petani, nelayan dan peniaga kecil adalah antara golongan yang akan menerima manfaat apabila Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) diperluaskan ke sektor informal lain tahun depan.

Menteri Sumber Manusia, M Kula Segaran berkata, dokumen akhir bagi tujuan peluasan skim perlindungan itu kini sedang diteliti oleh Peja-

bat Peguam Negara.

Menurutnya, setakat ini SKSPS hanya dikuatkuasakan terhadap pemandu teksi, kereta sewa, *e-hailing* dan pemandu bas.

"Sejak Ops Patuh dilancarkan pada 1 Ogos sehingga 30 September lalu, sebanyak 1,534 lawatan dilakukan di hentian dan terminal teksi, kereta sewa serta *e-hailing* di seluruh Malaysia dengan sebanyak 739 Notis Amaran dikeluarkan.

"Daripada jumlah notis itu, seramai 252 pemandu tidak mematuhi arahan hadir ke Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dalam tempoh tujuh hari.

"Pasukan penguat kuasa Perkeso turut mengenal pasti sebanyak 14 kes di Lembah Klang untuk dihadapkan ke mahkamah kerana ingkar dengan notis yang dikeluarkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan



Kula Segaran (lima dari kanan) bersama anak yatim dan ibu tunggal penerima faedah Perkeso yang diraikan sempena Majlis Sambutan Deepavali Perkeso di Kampus MySkills Foundation, Kalumpang semalam.

kan Majlis Sambutan Deepavali Perkeso di Kampus MySkills Foundation, Kalumpang di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Ahli Parlimen Hulu Selangor,

June Leow Hsiad Hui.

Kula Segaran berkata, berdasarkan statistik sehingga 7 Oktober, terdapat seramai 17,372 pemandu teksi; 3,537 kereta sewa; 29,908 *e-hailing* dan 3,313 bas berdaftar serta men-

Sementara itu, beliau berkata, sambutan Deepavali yang diadakan itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat Perkeso yang turut meraikan anak yatim dan ibu tunggal penerima faedah Perkeso.



09 OCT, 2019

SKSPS diperluas tahun depan

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Petani, nelayan dan peniaga kecil antara golongan yang menerima manfaat

HULU SELANGOR Petani, nelayan dan peniaga kecil adalah antara golongan yang akan menerima manfaat apabila Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) diperluaskan ke sektor informal lain tahun depan. Menteri Sumber Manusia, M Kula Segaran berkata, dokumen akhir bagi tujuan peluasan skim perlindungan itu kini sedang diteliti oleh Peja-

bat Peguam Negara. Menurutnya, setakat ini SKSPS hanya dikuatkuasakan terhadap pemandu teksi, kereta sewa, e-hailing dan pemandu bas.